

covid-19

COVID-19 DI SEKOLAH SERI PUTERI

ANGKA JANGKITAN MENINGKAT 139

HARIZAN METRO (03/12/2021) M1502



Bernama

Shah Alam

Kes positif Covid-19 di Sekolah Seri Puteri (SSP) di Cyberjaya, kini sebanyak 139 kes memabatkan 114 pelajar, 15 guru dan 10 petugas, kata Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri

(JKN) Selangor Datuk Dr dalam keadaan stabil dan Sha'ari Ngadiman.

Beliau berkata, semua dikesan positif itu adalah hasil saringan dilakukan terhadap 946 individu di sekolah itu terdiri daripada 849 pelajar, 59 guru dan 38 petugas, setakat 3 petang semalam.

"Kesemua kes positif itu

“Kesemua kes positif itu dalam keadaan stabil dan semua mereka adalah kategori 1 dan 2A Dr Sha'ari

semua mereka adalah kategori 1 dan 2A," katanya dalam kenyataan di sini, semalam. Pesakit Covid-19 kategori 1 merujuk kepada mereka yang tiada bergejala langsung, kategori 2A mempunyai simptom ringan dan kategori 2B adalah

bergejala ringan yang teruk dan akan dimasukkan ke Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC).

Dr Sha'ari berkata, semua kes positif itu akan dirujuk ke PKRC Bersepadu 2.0 Taman Ekspo Pertanian Malaysia (Maeps), Serdang manakala kontak rapat akan ditempatkan di stesen kuarantin kerajaan.

"Kes indeks adalah seorang guru di sekolah itu yang didapati bergejala pada



97% orang dewasa lengkap divaksin

Kuala Lumpur: Sebanyak 97 peratus atau 22,698,593 individu dewasa di negara ini sudah lengkap menerima suntikan vaksin Covid-19, setakat 11.59 malam kelmarin.

Berdasarkan data Kementerian Kesihatan (KKM) melalui laman COVIDNOW, sejumlah 98.4 peratus atau 23,034,278 individu dewasa pula sudah menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Sementara itu, 86.2 peratus atau 2,712,550 populasi remaja berumur 12 hingga 17 tahun sudah melengkapkan vaksinasi mereka, manakala 89.8 peratus atau 2,824,704 sudah menerima sekurang-kurangnya satu dos suntikan vaksin.

Dalam pada itu, 142,607 dos suntikan vaksin diberikan kelmarin, membabitkan 7,347 suntikan dos lengkap, 4,744 dos pertama dan 130,516 pula suntikan dos penggalak.

» INFO

86.2 peratus atau 2,712,550 populasi remaja berumur 12 hingga 17 tahun sudah melengkapkan vaksinasi.

142,607 dos suntikan vaksin diberikan kelmarin, membabitkan 7,347 suntikan dos lengkap, 4,744 dos pertama dan 130,516 pula suntikan dos penggalak.

Perkembangan itu menandakan jumlah kumulatif pemberian vaksin bagi Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (Pick) kini meningkat kepada 53,671,277 dos.

Jumlah kumulatif dos penggalak kini sebanyak 2,590,730.

Johor Bahru: Dianggarkan seramai 4,536 pengembara tiba menerusi Laluan Perjalanan Lengkap Vaksinasi (VTL) darat dalam tempoh empat hari pelaksanaannya bermula pada Isnin lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur negeri Mohd Solihan Badri berkata, jumlah itu berdasarkan penjualan tiket secara atas talian syarikat bas.

Katanya, pada hari pertama VTL darat, pengembara dari Singapura ke Malaysia ialah seramai 953 orang iaitu 66 peratus daripada kuota 1,440 yang dibenarkan sehari perjalanan.

"Hari kedua membabitkan seramai 1,037 pengembara (72 peratus), semalam sebanyak 1,269 (88 peratus) dan setakat hari ini, membabitkan 1,277 (89 peratus).

"Manakala dari pengembara VTL darat dari Malaysia ke Singapura pada hari pertama ialah 220 iaitu 15 peratus dari kuota dibenarkan, katanya semalam.

Mohd Solihin berkata,

SERAMAI 953 pengembara dari Singapura ke Malaysia direkodkan pada hari pertama pelaksanaan VTL.



4,536 pengembara nikmati manfaat VTL

pada hari kedua seramai 188 pengembara direkodkan (13 peratus), kelmarin 291 (20 peratus) dan semalam 275 (19 peratus).

Sementara itu, Pengurus Bangunan Larkin Sentral, Mohd Helmi Mohd Affendi

berkata, pihaknya menjangkakan jumlah pengembara akan terus meningkat.

"Kita jangkakan pengembara yang tiba dari Singapura menerusi VTL darat akan terus meningkat dari semasa ke semasa," katanya.

Pada Isnin lalu, pembukaan sempadan Malaysia dan Singapura menerusi VTL darat antara dua negara mula beroperasi dengan had kuota 1,440 pengembara setiap hari.

Perkhidmatan bas menjadi

HARIAN METRO (03/12/2021) M15 03

808 mati akibat Covid-19 di Kelantan

Kota Bharu: Sebanyak 808 kematian akibat Covid-19 direkodkan di Kelantan dalam tempoh lebih setahun.

Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Kesihatan Kelantan Dr Izani Husin berkata, kes kematian itu direkodkan bermula Mac tahun lalu sehingga 30 September tahun ini.

Menurutnya, Kota Bharu mencatatkan kematian tertinggi dengan 221 kes diikuti

221
Jumlah kes kematian akibat Covid-19 di Kota Bharu

Pasir Mas sebanyak 111 kes dan Pasir Putih, 102 kes.

"Tumpat pula mencatatkan 89 kes, Bachok (80), Gua

Musang (58), Tanah Merah (56), Kuala Krai (37), Jeli (29) dan Machang merekodkan 25 kes.

"Setakat ini, kerajaan negeri sudah membayar bantuan pengurusan jenazah sebanyak RM405,000 membatitkan 271 kematian.

"Jumlah yang belum dibayar sebanyak RM223,500 membatitkan 149 kematian.

Secara keseluruhan, tuntutan yang dibuat untuk kes kematian Covid-19 adalah RM630,000," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan **Mohd Nazlan Mohamad Hasbullah (Pas-Limbongan)** pada Persidangan Dewan Undangan Negeri (Belanjawan) di Kota Darulnaim di sini, semalam.



JUMLAH tuntutan dibuat ke atas kematian Covid-19 di Kelantan adalah RM630,000.

22 November lalu dan di-sahkan positif Covid-19 pada 24 November.

"Hasil saringan kontak rapat berjaya mengesan tujuh lagi kes iaitu enam pelajar dan seorang lagi guru sebelum Kluster Covid-19 diumumkan sebagai Kluster Persiaran Tasik pada 29 November," katanya.

Pelajar politeknik cetus kluster di Sandakan

Kota Kinabalu: Seorang pelajar lelaki Politeknik Sandakan yang dijangkiti Covid-19 menicetuskan satu lagi kluster, Kluster Sungai Batang di Sabah, kelmarin.

Jurucakap perkembangan harian Covid-19 Sabah Datuk Masidi Manjun berkata, kluster dalam kategori kluster institusi pendidikan terbahit dikenal pasti membatitkan daerah Sandakan.

"Kes indeks adalah lelaki tempatan berusia 19 tahun yang bergejala demam dan

wangan II negeri berkata jumlah kes harian Covid-19 semalam kekal mencatatkan sebanyak tiga angka.

"Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah (JKNS), jumlah kes positif baharu Covid-19 pada hari ini (semalam) adalah sebanyak 467 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 233,700 kes.

"Sebanyak tujuh kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu empat kes di Kota Kinabalu manakala ma-

SEJUMLAH 30 hingga 40 peratus penerima dua dos vaksin didakwa menolak untuk mengambil dos penggalak.



PENGAWAL keselamatan mengawal kenderaan yang keluar dan masuk ke SBP Sekolah Seri Puteri, Cyberjaya. - Gambar NSTP/HAIRUL ANUAR RAHIM



yang berjaga-jaga dan batuk sejak 12 November lepas disahkan positif Covid-19 di klinik swasta pada hari yang sama.

“Saringan kontak rapat terhadap 29 pelajar serta dua kakitangan mendapati 24 kes positif termasuk 11 kes baharu dalam kalangan pelajar asrama institusi berkenaan,” katanya dalam satu kenyataan media yang dikeluarkan, semalam.

Dalam pada itu, Masidi yang juga Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan merangkap Menteri Ke-



Sikap rakyat Kelantan punca jangkitan tinggi

Kota Bharu: Sikap rakyat Kelantan yang kurang patuh terhadap prosedur operasi standard (SOP) menjadi punca utama kes jangkitan Covid-19 di negeri itu masih tinggi.

Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Kesihatan Kelantan Dr Izani Husin berkata, SOP paling ketara kurang dipatuhi adalah membabitkan pemakaian pelitup muka dan penjarakan sosial.

“Saya mengakui kes harian Covid-19 di Kelantan

masih tinggi. Punca utama adalah sikap kita terhadap kepatuhan SOP.

“Laporan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengatakan masalah sikap punca kepada penyebaran kes di negeri ini,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan tambahan dikemukakan **Abdul Rahman Yunus (Pas-Pasir Tumboh)** pada Persidangan Dewan Undangan Negeri Kelantan (Belanjawan) di Kota Darulnaim di sini, semalam.

“Bilangan pesakit Covid-19 sembuh ialah 464 menjadikan jumlah kumulatif 223,313 orang.

“Manakala 1,447 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 623 orang di hospital, 797 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, 24 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) dan tiga orang di fasiliti swasta,” katanya.

DOS SUKARELA

Kerajaan tak cadang jadikan dos penggalak sebagai syarat wajib lengkap vaksinasi

Bernama

Kuala Lumpur

10.83%

Peratusan penerimaan dos penggalak dalam kalangan rakyat

Kerajaan tidak bercadang menjadikan penggalak sebagai syarat wajib buat masa ini untuk melengkapkan dos vaksin Covid-19 bagi rakyat negara ini.

Timbalan Menteri Kesihatan II Datuk Aaron Ago Dagang berkata, seperti vaksin dos pertama dan kedua, pengambilan dos penggalak adalah secara sukarela.

“Walaupun peratusan (penerimaan) dos penggalak agak perlahan iaitu hanya 10.83 peratus sahaja setakat ini, tetapi kita tidak boleh jadikan booster (dos penggalak) sebagai wajib.

“Tetapi dengan munculnya varian yang membimbangkan (VOC) Omicron, kita sarankan agar dos penggalak ini diambil,” katanya pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan tambahan **Steven Choong Shiau Yoon (Bebas-Tebrau)** mengenai sama ada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan menjadikan dos penggalak sebagai syarat lengkap vaksin Covid-19 su-

sulan terdapat 30 hingga 40 peratus penerima dua dos vaksin menolak untuk mengambil dos penggalak.

Menjelas lanjut, Aaron berkata, KKM akan terus giat melaksanakan langkah dan kempen bagi memastikan penerima dos lengkap vaksin menerima dos penggalak.

Menjawab soalan asal **Dr Azman Ismail (PH-Kuala Kedah)** mengenai kajian dan data yang dirujuk KKM dalam memutuskan tentang keperluan dos ketiga, Aaron berkata, ia hasil analisis interim yang melaporkan terdapat 10 peratus iaitu 55 kes daripada 551 petugas kesihatan mendapat jangkitan selepas menerima vaksin lengkap Comirnaty dalam tempoh tiga hingga enam bulan.

Beliau berkata, dalam satu kajian lagi iaitu RECoVAM (*The Real-World Evaluation of Covid-19 Vaccines under the Malaysia National Covid-19 Immunisation Program*) yang dijalankan ke atas 14,500,984

individu yang menerima dos lengkap, terdapat jangkitan dan kadar keseluruhan adalah 1.30 antara 100 orang.

“Separuh daripada kesemua *breakthrough infections* (mendapat jangkitan) berlaku dalam tempoh 30 hari, kadar *breakthrough infection* meningkat dengan peningkatan hari sejak penerimaan dos lengkap vaksin dan kadar jangkitan adalah 5.2b peratus hingga 5.32 peratus dalam tempoh 120 hari selepas dos lengkap,” katanya.

Sementara itu, Aaron berkata, sehingga 30 November lalu, penerima dos penggalak adalah seramai 2,457,510 orang atau 10.83 peratus daripada jumlah penduduk dewasa yang sudah menerima dos lengkap.

Beliau berkata, dos itu diberikan kepada individu dewasa berusia 18 tahun dan ke atas dengan keutamaan kepada kumpulan rentan serta berisiko tinggi bagi memastikan perkhidmatan kesihatan negara terus berfungsi dalam tahap optimum.

Beliau menjawab soalan **Datuk Mohd Fasih Mohd Fakeh (Bersatu-Sabak Bernam)** mengenai perkembangan serta kepentingan suntikan dos penggalak.